

Legenda Sepak Takraw Malaysia: Rosli Ab. Rahman

NurZafirah Azizan Siti Aqilah Yop
Alwi Mohd Yunus
Irwan Kamaruddin Abdul Kadir
Mohd Nizam Bin Yunus

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

Abstrak

Artikel ini berasaskan sumber daripada pembacaan dan kajian penulis terhadap tokoh, ia juga berasaskan kepada sumber lisan yang telah dijalankan bersama bintang sukan sepak takraw negara pada suatu ketika dahulu iaitu Rosli Ab. Rahman yang telah menceritakan tentang latar belakang beliau sebagai bekas pemain sepak takraw negara. Penceritaan ini bermula dari latar belakang kehidupannya dari kecil iaitu pada awal alam persekolahannya sehingga berjaya mencipta nama dalam bidang sepak takraw negara. Beliau juga berkongsi pengalaman manis dan pahit sepanjang penglibatan beliau sebagai pemain sepak takraw negara. Artikel ini juga menceritakan pengalaman beliau sebagai jurulatih sepenuh masa sepak takraw. Selain itu, artikel ini turut menerangkan tentang konsep serta pandangan beliau terhadap pasukan sepak takraw pada masa kini.

Kata kunci : Rosli Ab Rahman, Sepak takraw, Jurulatih, Sukan SEA, Sukan Asia

Abstract

This article is based on sources from the author's readings and studies on the person interviewed, it is also based on an oral source conducted with former national sepak takraw player Rosli Ab. Rahman who has described atlength about his involmenment. The story begins from the background of his childhood to his

success as the one of the national player. In addition to his involvement, he also shared his experiences throughout his involvement as a national sepak takraw player. This article also tells of his experience as a full-time sepak takraw coach. He also shared and explain about the concepts and his views on the current sepak takraw team.

Keywords : Rosli Ab Rahman, Sepak takraw, Coach, SEA Games, Asian Games

Latar Belakang Rosli Ab Rahman

Rosli Ab. Rahman merupakan anak kelahiran Kampung Simpang Tiga, Gombak, Selangor yang kini menetap di Sungai Buloh. Beliau dikenali sebagai “Arin” dalam kalangan ahli keluarganya dan “adik” dalam skuad sepak takraw. Ayah beliau merupakan bekas pengawal keselamatan sekolah beliau dan pada masa yang sama merupakan jurulatih sepak takraw sambilan. Rosli Ab. Rahman merupakan anak pertama dari empat adik beradik. Beliau mempunyai dua adik lelaki dan seorang adik perempuan. Beliau telah mendirikan rumah tangga pada tahun 1998 bersama isterinya, Zuraidah binti Ahmad. Isteri beliau kini bekerja di syarikat Telekom Malaysia. Hasil perkahwinan bersama isteri tersayang, beliau telah dikurniakan empat orang cahaya mata iaitu dua perempuan dan dua lelaki. Keempat-empat anak beliau masih belajar.

Rosli Ab. Rahman menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Gombak Utara iaitu menghala ke Sungai Cincin. Semasa di sekolah rendah, beliau sudah mula menceburi sukan sepak takraw pada peringkat sekolah sehingga menjadi Johan pada peringkat Daerah. Jurulatih beliau pada masa itu ialah arwah bapanya sendiri dari darjah empat sehingga darjah enam. Rosli Ab. Rahman yang sememangnya aktif dalam bidang sukan sejak kecil telah melayakkannya untuk memasuki Sekolah Tengku Ampuan Rahimah Klang (STAR) iaitu sekolah sukan pada masa itu setelah tamat darjah enam. Selain itu, beliau telah memasuki sekolah tersebut bersama rakan karib beliau iaitu Ku Halim Ku Musa.

Penglibatan Awal dalam Sukan Sepak Takraw

Rosli Ab. Rahman mula meminati sukan sepak takraw disebabkan oleh galakan daripada ayahnya sendiri yang merupakan jurulatih sepak takraw sekolah rendah dan telah mula aktif dalam sukan sepak takraw sejak berumur 10 tahun serta telah mencipta nama dalam sukan sepak takraw ini. Beliau juga menjadi wakil sekolah seterusnya ke peringkat daerah dan telah menjadi Johan. Kejohanan pertama beliau ialah mewakili Selangor dalam Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dan berjaya menjadi Johan. Rosli Ab. Rahman menjadikan pemain-pemain dahulu seperti Raziman Hassan dan Datuk Adnan Saidin sebagai idola beliau dalam sukan sepak takraw. Keluarga dan rakan Rosli Ab. Rahman memberikan sokongan seratus peratus kepada beliau untuk terus kekal aktif dalam bidang sepak takraw. Pada mulanya, beliau memainkan peranan sebagai tekong namun apabila mewakili daerah, beliau telah bermain di posisi apit kiri sehingga kini. Beliau juga memainkan peranan sebagai “feeder” atau dikenali sebagai pelambung bola untuk tekong yang kidal dalam sepak takraw. Untuk kekal aktif, Rosli Ab. Rahman selalu melakukan latihan tambahan dan banyak berlari untuk memantapkan lagi teknik permainan beliau.

Penglibatan dalam Skuad Kebangsaan

Selepas tamat pengajian di alam persekolahan, Rosli Ab. Rahman telah berkhidmat bersama PDRM atas kebolehan beliau bermain sukan sepak takraw. Beliau hanya sempat berkhidmat dan bermain lebih kurang dua tahun untuk pasukan PDRM selepas itu kejohanan pertama beliau bersama PDRM pada tahun 1988 adalah Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan (MAKSAK). Pasukan PDRM yang beliau wakili pada ketika itu telah mendapat Johan. Pada ketika itu, PDRM adalah salah satu pasukan yang kuat di mana adanya Rihan Mohd Din yang merupakan pasukan regu emas sukan SEA pada tahun 1989. Pasukan yang hebat semestinya dari jurulatih yang hebat iaitu arwah Sarjan Talib yang ketika itu memimpin pasukan tersebut. Namun begitu, beliau bersama PDRM tidak lama apabila beliau bertukar pekerjaan. Oleh kerana potensi serta bakat beliau yang terserlah semasa kejohanan tersebut Telekom Malaysia telah

mengambil beliau untuk bekerja sehingga kini dan sekali gus menjadikan beliau sebagai pemain mereka.

Semasa penglibatan Rosli Ab. Rahman bersama Telekom, beliau telah menyertai kejohanan Piala Isa yang pertama pada tahun 1991 iaitu di Seremban dan telah mendapat Johan. Pada tahun 1994, Australia telah menjemput pasukan dari Malaysia untuk turut sama bertanding untuk Arafura Games. Perlawanan itu dilangsungkan di Darwin dan pasukan Malaysia telah mendapat Johan. Pada tahun 1995, beliau menjadi juara Metro di Selangor dan telah dinobatkan sebagai juara juga untuk Piala Mahsuri di Langkawi pada tahun 1998. Jurulatih beliau ketika bersama pasukan Telekom ialah Encik Zainuddin Kamaruddin iaitu bekas pemain Negara juga. Antara rakan seperjuangan yang turut menaikkan nama Telekom ketika itu ialah Encik Baharuddin Bahudin dan Encik Zaini Ridzuan (Ahmad Zam Hariro, 2017).

Ketika beraksi untuk pasukan Malaysia, Encik Shaari Hashim merupakan rakan karib beliau pada ketika itu. Beliau mula bermain untuk pasukan Malaysia bermula pada tahun 1988 sehingga 1997. Pada tahun 1988, beliau telah bermain untuk Piala Raja Thai sebagai wakil Malaysia keempat di Bangkok, Thailand dan telah mendapat Johan. Seterusnya, kejohanan sepak takraw sukan SEA ke- 15 yang berlangsung di Kuala Lumpur juga telah melayakkan pasukan beliau mendapat pingat emas. Sepanjang penglibatan beliau dalam sukan sepak takraw, beliau telah menyertai Sukan SEA sebanyak empat kali dan kesemuanya mendapat Johan. Antara pencapaian cemerlang beliau dalam sukan SEA ialah mendapat pingat emas pada tahun 1989 dimana ianya merupakan penglibatan pertama beliau. Selain daripada pingat emas, beliau juga telah mendapat pingat perak untuk acara sepak takraw berpasukan di Jakarta dalam kejohanan Sukan SEA yang ke-19.

Disamping terlibat dalam Sukan SEA, Rosli Ab. Rahman juga terlibat dengan perlawanan sepak takraw di peringkat yang lebih tinggi iaitu Sukan Asia. Rosli Ab Raman telah mewakili Malaysia dalam Sukan Asia pada tahun 1990 di Beijing. Semasa penglibatan dalam Sukan Asia, Rosli Ab. Rahman telah dilatih oleh beberapa orang jurulatih yang berbeza. Kejohanan Sukan Asia pada tahun 1990, telah melayakkan pasukan Malaysia ketika itu mendapat Johan sekali gus

dianugerahkan pasukan terbaik Sukan Asia Beijing pada tahun 1990. Untuk kesemua perlawanan di peringkat Sukan SEA dan Sukan Asia, Rosli Ab. Rahman masih mengekalkan posisi apit kiri. Kemenangan ini adalah sangat bermakna bagi beliau kerana ini adalah perlawanan sepak takraw yang tertinggi pada masa itu. Pada ketika itu, sukan sepak takraw merupakan kejohanan pertama yang paling tinggi dipertandingkan untuk peringkat Sukan Asia. Pada ketika itu, Malaysia merupakan pasukan nombor satu untuk sukan sepak takraw dan disegani negara luar.

Perlawanan terakhir yang sertai oleh Rosli Ab. Rahman sebelum bersara daripada bermain sepak takraw ialah untuk peringkat kebangsaan iaitu mewakili negeri Selangor pada tahun 2003 dan peringkat antarabangsa iaitu Sukan SEA pada tahun 1997 di Jakarta. Antara pengalaman pahit Rosli Ab. Rahman dalam sukan sepak takraw ini ialah apabila beliau bermain untuk pasukan Telekom beliau mengalami kecederaan paling serius iaitu isi di tulang kaki beliau terkoyak. Beliau direhatkan sepanjang tiga bulan. Namun begitu, itu tidak menjadi halangan kepada beliau untuk meneruskan perjuangan beliau dalam memartabatkan sukan sepak takraw di mata dunia.

Pingat yang Diterima

Rosli Ab. Rahman telah bergiat aktif dalam bidang sukan sepak takraw sebagai pemain yang mewakili negara bermula pada tahun 1988 hingga 2003. Sepanjang karier 15 tahun Rosli Ab. Rahman sebagai pemain sepak takraw, beliau telah menyertai pelbagai pertandingan sukan sepak takraw didalam dan luar negara serta telah memenangi pelbagai pingat atau anugerah sepanjang menjadi pemain sukan sepak takraw (Rosli Ab. Rahman, 2019). Sepanjang penglibatan beliau sebagai pemain sukan sepak takraw, sebanyak 17 pertandingan sukan sepak takraw yang telah disertai olehnya dan meraih pingat seperti emas dan perak.

Beliau juga telah memperolehi sebanyak 10 pingat emas dan tiga pingat perak. Lima daripada pingat emas yang diperolehi beliau sebagai pemain sukan

sepak takraw yang mewakili Malaysia untuk bermain di luar negara manakala lima lagi daripada pingat emas yang dimenangi oleh beliau adalah sebagai pemain Telekom Malaysia. Tiga pingat perak yang diperolehi oleh beliau ketika mewakili Malaysia bermain di Piala Raja Thai pada tahun 1996 dan Sukan SEA pada tahun 1989 dan 1997.

Selain itu, Rosli Ab. Rahman (2019) menyatakan bahawa pingat yang pertama dan bermakna bagi beliau adalah pingat emas yang diperolehi ketika Piala Raja Thai pada tahun 1988 dan Sukan SEA pada tahun 1989 yang disertai beliau sebagai pemain Malaysia dan telah mendapat pingat emas dan perak pada ketika itu. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa pingat yang diperolehi ketika sukan Asia itu sangat bermakna kerana sukan sepak takraw sahaja memperoleh dua pingat emas mengalahkan kontinjen lain dari Malaysia semasa bertanding di Sukan Asia ke-19 di Beijing, China.

Menurut Rosli Ab. Rahman (2019), beliau menyatakan bahawa pada tahun 1990 pasukan sepak takraw Malaysia telah menerima pengiktirafan sebagai pasukan yang terbaik didalam kem Sukan Asia di Beijing, China. Hal ini kerana, pasukan Malaysia dikatakan mempunyai disiplin yang baik dan keakraban mereka dalam pasukan membuatkan mereka dianugerahkan sebagai pasukan berdisiplin pada ketika itu. Anugerah ini juga diberikan oleh pihak media Beijing kerana pihak media disana telah melihat kesungguhan pasukan Malaysia yang bekerjasama sebagai satu pasukan dan telah memenangi pingat emas ketika Sukan Asia pada tahun tersebut.

Bersara daripada Sukan Sepak Takraw Malaysia

Rosli Ab. Rahman telah bersara daripada menjadi pemain sukan sepak takraw kebangsaan pada tahun 1998. Perlawanan terakhir yang disertai oleh beliau sebelum bersara adalah Piala Raja Thai di Bangkok pada tahun 1996. Persaraan ini adalah disebabkan oleh faktor umur beliau ketika itu yang berumur 34 tahun (Rosli Ab. Rahman, 2019). Namun begitu, persaraan beliau sebagai pemain sepak takraw Malaysia tidak menghalangnya untuk terus terlibat didalam

bidang sepak takraw ini. Sebelum Rosli Ab. Rahman bersara sebagai pemain kebangsaan, beliau telahpun menjadi jurulatih bagi pasukan Telekom Malaysia pada tahun 1996. Ketika beliau menjadi jurulatih bagi pasukan Telekom Malaysia, pelbagai pingat telah diperolehi oleh pasukan tersebut. Ini membuktikan bahawa Rosli telah membantu menaikkan pasukan Telekom Malaysia dengan berkongsi ilmu-ilmu yang diperolehinya ketika menjadi pemain kebangsaan.

Karier Sebagai Jurulatih

Sepanjang karier Rosli Ab. Rahman bergelar jurulatih pasukan Telekom Malaysia, beliau telah terlibat dalam beberapa kejohanan seperti Piala Isa Seremban dan Piala Metro. Piala Isa Seremban telah disertai oleh pasukan beliau pada tahun 1988, 1989 dan 1996 manakala bagi Piala Metro adalah pada tahun 1997. Bagi kejohanan ini, pasukan beliau telah merangkul johan manakala Piala Metro mereka hanya merangkul naib johan sahaja (Rosli Ab. Rahman, 2019). Selain itu, pasukan Telekom Malaysia dibawah bimbingan beliau juga telah menyertai kejohanan Piala Emas Khir Johari pada tahun 2006 dan berjaya merangkul johan. Beliau juga turut berkongsi pengalaman bahawa piala tersebut merupakan piala yang paling terbaik sekali kerana mereka bertanding dibawah tiket jemputan dan telah mara ke pusingan akhir piala tersebut.

Selain pasukan Telekom Malaysia, Rosli Ab. Rahman (2019) menyatakan bahawa beliau turut menjadi jurulatih pasukan Kuala Lumpur pada tahun 2007 sehingga tahun 2015. Ketika itu, pasukan beliau telah bertanding didalam beberapa kejohanan seperti Piala Emas Khir Johari dan telah merangkul johan dan naik johan. Selepas menjadi jurulatih pasukan Kuala Lumpur, beliau juga menjadi jurulatih pasukan SUKMA Wilayah Persekutuan pada tahun 2006 dan 2014 dan hanya mampu memperoleh pingat emas, perak dan gangsa sahaja. Pada tahun 2010, beliau telah dilantik sebagai jurulatih pasukan Malaysia dan pasukan beliau telah bertanding di Guangzhaou, China dan memperoleh dua pingat perak. Secara kesimpulannya, selepas bersara daripada bermain dengan pasukan Malaysia, Rosli Ab. Rahman telah menjadi jurulatih bagi tiga peringkat

iaitu peringkat kelab Bukit Raja, SUKMA Wilayah Persekutuan pada tahun 2006 dan 2014 dan Negeri Sembilan pada tahun 2004 serta peringkat kebangsaan.

Pendapat Tentang Prestasi Pasukan Sepak Takraw Kebangsaan Sekarang

Rosli Ab. Rahman (2019) menerangkan bahawa pasukan sepak takraw kebangsaan sekarang tidak seperti pasukan dahulu. Hal ini kerana pasukan sekarang malu-malu untuk bersuara dan takut kepada pihak lawan. Beliau menegaskan bahawa pasukan kebangsaan sekarang dilihat lebih bermain semata-mata hanya untuk mengejar gelaran sahaja dan bukannya pada kemahiran itu. Beliau menyifatkan kemahiran pemain sekarang agak lemah dan perlu diperbaiki segera (Rosli Ab. Rahman, 2019). Sebagai contoh perlawanan dengan Thailand, kebanyakan pemain mengelak untuk menerima servis daripada pihak lawan dibandingkan dengan pasukan kebangsaan dahulu yang sememangnya sangat bersemangat ketika bertemu dengan pihak lawan.

Pemain muda sekarang tidak fokus, kurang berstamina dan tidak mengamalkan pemakanan yang betul (Paul, 2009). Beliau menekankan bahawa pemain sekarang sangat leka bermain dengan telefon bimbit dan bermain permainan dalam telefon. Hal ini telah menyebabkan fokus utama mereka terhadap perlawanan terjejas dan menyebabkan stamina mereka berkurang untuk menghadapi latihan pada keesokan harinya. Fokus dan stamina amatlah penting bagi seseorang pemain kerana ianya boleh menjejaskan seluruh pasukan kerana hal-hal seperti ini.

Harapan Terhadap Pasukan Sepak Takraw Kebangsaan

Menurut Rosli Ab. Rahman (2019), beliau amat berharap agar pasukan sepak takraw kebangsaan dapat memperbaiki kelemahan mereka dan bermain secara bermati-matian agar nama Malaysia dapat diharumkan semula. Beliau berharap semua pemain sepak takraw tidak kira di peringkat kelab, negeri atau negara dapat menunjukkan kemahiran atau bakat mereka dalam sukan ini kerana

penyokong dan peminat di luar menaruh harapan terhadap pasukan mereka untuk menang ataupun menjuarai perlawanan tersebut. Beliau juga mahu nama-nama pemain kebangsaan dapat diingati supaya orang tahu dan mengingati bahawa pemain-pemain ini adalah pemain yang terbaik dan telah mengharumkan nama Malaysia.

Selain itu, Rosli Ab. Rahman (2019) menyatakan beliau berharap agar pemain-pemain pasukan kebangsaan dapat menjaga disiplin mereka kerana disiplin yang tinggi dan baik amatlah penting bagi setiap atlet yang bermain secara pasukan. Disiplin ini penting supaya Majlis Sukan Negara (MSN) dapat melihat dan membantu sukan sepak takraw khususnya pasukan kebangsaan. Kesimpulannya, Rosli Ab. Rahman berharap agar pemain-pemain pasukan kebangsaan dapat menaikkan nama Malaysia semula supaya negara-negara luar gerun melihat pasukan Malaysia.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, sukan sepak takraw merupakan salah satu sukan yang telah mengharumkan nama Malaysia dan pasukan kebangsaan Malaysia juga telah mula digeruni oleh pihak-pihak lawan (Avineshwaran, 2013). Menurut Rahman, (n.d) sukan sepak takraw juga telah menarik minat ramai orang-orang muda untuk bermain sukan ini. Penglibatan terhadap sukan ini bermula daripada awal usia dapat mengasah bakat dan kemahiran seseorang untuk terus menceburi bidang sukan tersebut. Sebagai contoh, Rosli Ab. Rahman telah menceburi bidang sukan sepak takraw ini sejak dari sekolah rendah dan telah bermain secara berperingkat sehingga beliau dapat menjadi jurulatih.

Usaha dan disiplin yang tinggi amatlah penting bagi seorang atlet yang bermain untuk pasukannya mahupun secara perseorangan (Rosli Ab. Rahman, 2019). Kedua-dua ini merupakan faktor yang penting untuk mencapai kejayaan dan membolehkan seseorang itu untuk mendapatkan hasil yang diinginkan olehnya. Bagi Rosli Ab. Rahman, beliau amatlah menitik beratkan kedua-dua faktor ini dalam kehidupannya sebagai seorang bekas pemain sepak takraw dan jurulatih

sukan ini. Beliau juga berharap agar semua pemain-pemain sepak takraw kebangsaan dapat mengamalkan kedua-dua faktor ini dan dapat mengharumkan nama Malaysia seperti yang telah dilakukan oleh beliau dan rakan-rakannya dahulu serta dapat memperbaiki kelemahan pasukan kebangsaan supaya bangkit semula untuk bertarung dengan pihak lawan.

Rujukan

- Ahmad Zam Hariro Samsudin, Habibi Mastura Norza Azham, Nur Farihatul Jannah Azime & Mohd Nazir Ahmad. (2017). Biografi lagenda emas sepak takraw negara: Suhaimi bin Yusof. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*, 1(1), 96-102.
- Avineshwaran, T. (2013). The legacy of sepak takraw. Diakses 9 Oktober 2019 di <https://www.thestar.com.my/lifestyle/archive/2013/03/08/the-legacy-of-sepak-takraw>.
- Lagenda Emas: Info Takraw.(n.d.). Diakses 11 Oktober 2019 di <http://www.InfoTakraw.com>.
- Paul, R. (2009). Mahendran tasked with grooming back-up exponents. Diakses 12 Oktober 2019 di <https://www.thestar.com.my/sport/other-sport/2009/01/30/mahendran-tasked-with-grooming-backup-exponents>.
- Rahman. (n.d.). Pencipta dan pengasas sepak raga jaring. Diakses 11 Oktober di <http://www.beritakampus.usm.my/index.php/berita/laporan-khas/1670-pencipta-dan-pengasas-sepak-raga-jaring>.
- Rosli Ab. Rahman. (2019, Oktober 13). Temubual personal.

Lampiran



Rosli Ab. Rahman



Pemain skuad kebangsaan ketika menyertai latihan



Kejohanan sepak takraw yang disertai Rosli Ab. Rahman



Kejohanan Sepak Takraw Piala Emas Khir Johari



Keratan akhbar mengenai Rosli Ab. Rahman